



27 APR, 2025

Kolam takungan air mitigasi bencana banjir dan kemarau

Mingguan Malaysia, Malaysia



Kolam takungan air mitigasi bencana banjir dan kemarau

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan mengambil pendekatan seram-pang dua mata membina kolam takungan air pelbagai guna sebagai antara usaha mitigasi banjir negara ini di samping menjadi simpanan ketika musim kema-rau.

Timbalan Perdana Men-teri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, langkah itu dapat mengurangkan kerugian akibat ben-cana alam itu apabila berupaya menakung jumlah air hujan yang banyak namun sama digunakan sebagai simpanan kecemasan.

“Kolam takungan ini akan digunakan sebagai simpanan air apabila berlaku kemarau, memastikan kita mempunyai sumber air.

“Air ini boleh diproses untuk bekalan pelbagai kegunaan sama ada bagi minuman, pertanian, industri dan sebagainya. Inilah antara pendekatan yang sedang kita laksanakan,” katanya ke-tika berucap pada majlis makan malam dan ramah mesra ber-sama rakyat Malaysia di United Kingdom (UK) di Suruhanjaya Tinggi Malaysia, London kelmarin.

Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transfor-masi Air berada di UK untuk la-watan kerja selama tiga hari dan mengetuai delegasi Malaysia ke Sidang Kemuncak Mengenai Masa Depan Keselamatan Tena-ga di Lancaster House.

Fadillah berkata, mitigasi banjir perlu dilaksanakan segera kerana perubahan iklim yang



FADILLAH Yusof (tengah) beramah mesra dengan rakyat Malaysia dalam Majlis Makan Malam di Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London, United Kingdom (UK) kelmarin.

ketara ketika ini memberi kesan kepada cuaca di Malaysia seter-usnya mengakibatkan pelbagai bencana alam termasuk banjir yang berpunca daripada hujan lebat.

“Fokus utama kita sekarang ialah mitigasi banjir disebabkan perubahan iklim. Ribut petir, angin kuat dan sebagainya me-nyebabkan jumlah air hujan dalam satu hari boleh menyamai jumlah hujan sebulan. Ada tem-pat yang tidak pernah banjir kini dilanda banjir.

“Kita perlu memastikan dapat mengurangkan kesan banjir ke-pada rakyat, kesan kerugian dari segi kewangan bukan sahaja ke-pada rakyat tetapi juga kepada negara kerana pernah berlaku banjir besar yang menyebabkan kerugian RM3 bilion termasuk kos pemulihan dan sebagainya,”

katanya.

Selain itu, Fadillah mengu-langi pendirian bahawa Malaysia komited untuk mencapai kadar 70 peratus tenaga boleh baharu menjelang 2050 dan kadar se-masa adalah 28 peratus.

Dalam pada itu, Fadillah berka-ta, Grid Tenaga ASEAN (APG) akan menjadi tonggak yang berupaya memperkukuh jalinan kerjasama antara negara anggota.

Beliau mengambil contoh kejadian letupan gas di Putra Heights apabila insiden itu me-nyebabkan saluran gas terpaksa ditutup sehingga menjejaskan orang ramai dan industri.

Katanya, hasil hubungan baik dengan Thailand, negara itu telah membekalkan gas ke-pada Malaysia seterusnya dapat menampung dan mengurangkan kesan industri dan pengguna.